

PENERBANGAN MUHIBAH RAKAN MUDA 17 – 24 Julai



Penerbangan muhibah Rakan Muda bermula

KUALA LUMPUR, 17 Julai - Dua pesawat eksperimental yang menyertai fasa pertama Ekspedisi Penerbangan Muhibah Asean 2001 melalui program Rakan Rekreasi Udara Rakan Muda akan berlepas dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sungai Besi di sini, esok.

Dua pesawat itu ialah sebuah Zodiac CH 601HD bernombor pendaftaran 9M-ERM yang dipasang pelatih Rakan Muda pada 1997 dan sebuah pesawat MD3-160 Aero Tiga buatan SME Aviation Sdn Bhd di Subang, Selangor.

Pengurus operasi Kenari Technology Sdn Bhd iaitu rakan kongsi tulen Rakan Rekreasi Udara, Mohammad Mohd Ali, berkata sebuah lagi pesawat Zodiac CH 601 HD bernombor pendaftaran 9M-ERA tidak dapat menyertai ekspedisi yang akan menjadi simbol jempunan rasmi ke Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001.

Beliau berkata, selain itu, jadual asal fasa pertama ekspedisi yang sepatutnya memakan masa 20 hari, dipendek kepada lapan hari berikutan jerebu teruk di Kalimantan yang menghalang pihaknya ke Brunei dan Filipina.

“Ekspedisi ini akan melalui Pulau Batam, Pulau Bangka serta Lampung di selatan Sumatera sebelum ke Jakarta dan ke Singapura melalui Palembang, Batam, dan Senai sebelum berlepas pulang ke Pangkalan TUDM Sungai Besi 24 Julai ini,” katanya.

Ekspedisi ini dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pangkalan TUDM Sungai Besi, Sabtu lalu.

Difahamkan, dua jurutera SME Aviation dan Kenari Technology dengan dibantu sekumpulan pelajar jurusan Kejuruteraan Aero Angkasa dari Universiti Putra Malaysia bertungkus-lumus menyelenggara dua pesawat itu sejak dua minggu lalu.

Selain itu, Mohamad berkata, pengalaman yang ditimba pada fasa pertama akan digunakan untuk memperbaiki segala kelemahan yang ada pada fasa kedua iaitu laluan utara yang akan meliputi Thailand, Myanmar, Laos, Kemboja dan Vietnam.

Sebuah pesawat jenis Antonov AN-38-100 buatan Rusia milik Layang-Layang Aerospace Sdn Bhd yang mampu memuatkan 30 penumpang turut disewa khas untuk sepanjang ekspedisi itu.